

KELAKUAN GANAS PENYOKONG BOLA SEPAK MESTI DIHENTIKAN

Oleh: Tg Mohd Saifullah bin Tg Ambak, 1161169,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 Ogos 2020



Pertemuan pusingan kedua kelayakan Piala Dunia 2022 / Piala Asia 2023 di Stadium Utama Gelora Bung Karno, Jakarta antara pasukan Indonesia dan Malaysia pada September 2019 telah dicemari dengan aksi ganas penyokong fanatik tuan rumah.

Seorang penyokong Malaysia cedera akibat insiden yang memalukan dalam sejarah bola sepak di rantau Asia Tenggara itu.

Keganasan tercetus selepas Harimau Malaya menewaskan Garuda dengan jaringan 3-2. Akibat kecewa dan marah, penyokong Garuda bertindak membaling suar dan terkena penyokong Harimau Malaya.

Perbuatan tidak bertanggungjawab tersebut dilakukan oleh penonton yang hadir di stadium kerana tidak berpuas hati dengan keputusan perlawanan yang tidak memihak kepada pasukan kesayangan mereka.

Situasi panas turut berlaku di luar stadium termasuk melalui platform media sosial. Netizen dari seberang meluahkan perasaan tidak puas hati mereka dengan menggunakan kata-kata kesat dalam Facebook, Instagram dan Twitter.

Akibatnya, berlaku adegan 'berbalas serangan' dalam media sosial sehingga menyebabkan perlawanan bola sepak yang sepatutnya berperanan merapatkan hubungan rakyat pelbagai negara di dunia bertukar menjadi pencetus permusuhan.

Memang tidak salah meminati mana-mana pasukan bola sepak. Cuma jangan terlalu taksud sehingga tidak dapat menerima keputusan perlawanan apabila pasukan sendiri kalah.

Fenomena ini dapat dilihat di seluruh dunia sehingga menyebabkan bola sepak dianggap sebagai sukan yang boleh mempengaruhi peminat-peminatnya bertindak ganas.

Ada segelintir penyokong menyalakan bahan api seperti gas dan mercun. Segelintir daripada mereka membakar tempat duduk di stadium dan melontar objek ke dalam padang.

Perbuatan yang tidak bertamadun ini boleh mengakibatkan pemain serta penonton mengalami kecederaan di samping merosakkan harta awam yang disediakan di stadium.



Kalau minat sekalipun, biarlah berpada-pada. Janganlah terlalu taksub bila menyokong mana-mana pasukan bola sepak sehingga tidak dapat menerima hakikat bahawa kalah dan menang itu merupakan adat pertandingan.

Semangat kesukanan bukan sekadar terhad di dalam padang antara pemain-pemain yang beraksi mewakili kedua-dua pasukan.

Malah, semangat itu sepatutnya dihayati oleh penyokong-penyokong bola sepak di seluruh dunia bagi memastikan sukan yang paling popular ini tidak dicemari dengan keganasan.

Kekalkan reputasi bola sepak sebagai satu permainan yang cantik dengan memastikan kita sebagai penyokong tidak bersikap keterlaluan dalam menzahirkan sokongan terhadap pasukan yang diminati.